

AGENDA
MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM) 2018
SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK/QMS) KALI KE 8
PADA 19 APRIL 2018 (KHAMIS)

1.0	ALUAN PENGERUSI
2.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT Minit MKSP ISO Tahun 2017/Kali Kedua (QMS KALI KE 7 sahaja)
3.0	TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS Tindakan Susulan MKSP ISO 2017/Kali Kedua (QMS KALI KE 7 sahaja)
4.0	PERUBAHAN ISU LUARAN DAN DALAMAN UNIVERSITI YANG RELEVAN TERHADAP SPK
5.0	PRESTASI PROSES, KEAKURAN DAN KEBERKESANAN SPK 5.1 Maklum Balas Pelanggan/Pihak Berkepentingan 5.2 Kajian Kepuasan Pelanggan 5.3 Pencapaian Objektif Kualiti SPK a) Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2017 dan Penetapan KPI 2018 b) Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras 2017 c) Pencapaian Piagam Pelanggan 2017 i) Proses Utama Universiti ii) Proses Sokongan dan Operasi Sokongan 5.4 Ketakakuran dan Tindakan Pembetulan 5.5 Penemuan Audit a) Laporan Keberkesanan Penutupan Audit Pemantauan 2 oleh SIRIM b) Laporan Audit Dalaman QMS 2018 5.6 Prestasi Penyedia Luar
6.0	KECUKUPAN SUMBER 6.1 Sokongan Sumber Manusia 6.2 Sokongan Sumber Kewangan
7.0	KEBERKESANAN TINDAKAN BAGI MENYATAKAN RISIKO DAN PELUANG
8.0	PELUANG PENAMBAHBAIKAN
9.0	HAL-HAL LAIN

3.0 TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS

- **Tindakan Susulan MKSP ISO
Tahun 2017/Kali Kedua
(QMS KALI KETUJUH)**

LAPORAN STATUS TINDAKAN SUSULAN

MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO UPM TAHUN 2017
(QMS ISO 9001 KALI KETUJUH)

BIL.	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
7.4 - ISU LUARAN DAN DALAMAN UNIVERSITI				
1.	7.4 (d)	mengambil perhatian bahawa semakan/pemantauan berkala isu luaran dan dalaman dan pihak berkepentingan akan dilaksanakan sekali setahun iaitu pada setiap akhir tahun dan akan dibawa untuk pelaporan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti (JKK) kali pertama pada tahun berikutnya sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat JKK Kali ke-36 (Khas) pada 10 Ogos 2017. Bagi tahun 2017, hanya laporan pemantauan setengah tahun iaitu bagi tempoh Julai hingga Disember 2017 akan dibawa dan dibentangkan dalam Mesyuarat JKK Kali Pertama tahun 2018 mengambil kira tempoh bermulanya kuatkuasa Standard MS ISO 9001:2015 adalah pada 1 Jun 2017.	Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan (KBPKP), CQA	<u>Maklum</u> <u>balas</u> <u>Pusat</u> <u>Jaminan Kualiti :</u> Telah dibentangkan pada Mesyuarat JKK Kali Pertama pada 6 Februari 2018.
2.	7.4 (e)	mengambil perhatian bahawa laporan perubahan isu dalaman dan luaran seperti mana keperluan klausma 9.3.2 (Input Kajian Semula) Standard MS ISO 9001:2015 hanya dapat dilaporkan pada MKSP tahun berikutnya memandangkan ianya pertama kali diwujudkan pada tahun 2017.	Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan (KBPKP), CQA	<u>Maklum</u> <u>balas</u> <u>Pusat</u> <u>Jaminan Kualiti :</u> Akan dibentangkan pada MKSP QMS 2018 pada 19 April 2018.
7.5 - PRESTASI DAN KEBERKESANAN PENGURUSAN ISO				
7.5.1.1 - Penemuan Audit QMS				
7.5.1.1 (b) - Audit Dalaman QMS 2017				
3.	7.5.1.1(b)x.1	mengambil perhatian terhadap empat (4) kelemahan yang dilaporkan oleh Ketua Juruaudit Dalaman UPM, iaitu: pengurangan peruntukan kewangan kepada PTJ memberi kesan kepada pelaksanaan program dan aktiviti di PTJ terutama aktiviti penyelenggaran/ baik pulih. PTJ perlu	Ketua PTJ	<u>Maklum</u> <u>balas</u> <u>Ketua PTJ :</u> <u>EBSB :</u> Diambil tindakan dalam perancangan tahun 2018.

	<p>merancang dan melaksana aktiviti penjimatan dan pendanaan pendapatan supaya proses perkhidmatan di PTJ tidak terjejas.</p>		<p><u>FSKTM :</u> Telah dilaksanakan aktiviti penyelenggaran/baik pulih dengan menggunakan peruntukan dari tabung amanah 62112 sekiranya peruntukan mengurus tidak mencukupi.</p> <p>Perancangan penjanaan akan dibengkelkan bagi tujuan penambahan pendapatan dengan mengenakan sewaan makmal komputer dan dewan/bilik seminar.</p> <p><u>FPAS :</u> Pengurusan Kewangan Fakulti dibincangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti. Seminar/ Program/ bengkel telah dirancang bagi tahun 2018 bagi membantu fakulti menjana pendapatan.</p> <hr/> <p><u>IPSAS :</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Telah mengenal pasti senarai keutamaan program & aktiviti. 2. Telah membuat perancangan peruntukan perbelanjaan mengikut objek am/objek bagi tahun 2018 berdasarkan rekod perbelanjaan tahun 2017 pada hujung tahun. 3. Memaklum dan membincangkan perkara tersebut semasa Mesyuarat Pengurusan IPSAS.
--	---	--	---

			<p><u>Bahagian Pentadbiran, Pej. NC :</u></p> <p>Bahagian Pentadbiran, Pejabat Naib Canselor telahpun membuat perancangan kewangan dan akan melaksanakan aktiviti penjimatan agar fungsi PTJ tidak terjejas. Perancangan kewangan ini telah mengambil kira cadangan daripada pihak Seksyen Kewangan Canselor.</p> <p><u>PSAS</u></p> <p>PSAS melaksanakan aktiviti penjimatan dan penjanaan pendapatan melalui penganjuran seminar/bengkel dan sewaan ruang/bilik telah dilaksanakan.</p> <p><u>CADe</u></p> <p>CADe telah melaksanakan aktiviti penjimatan perbelanjaan dan telah merangka aktiviti pendanaan melalui penawaran latihan, bengkel dan seminar dalam pengajaran dan pembelajaran kepada pegawai akademik luar UPM (dalam dan luar negara) bermula pada 2018.</p> <p><u>Pejabat Bursar</u></p> <p>Langkah penjimatan telah dimulakan di Pejabat Bursar dan beberapa portfolio penjimatan baharu telah dikenalpasti seperti pelaksanaan perolehan kertas A4 menggunakan kontrak pusat berdasarkan pekeliling Pejabat Bursar Bil. 2 2018 iaitu Pelaksanaan Perolehan Kertas A4 (80 Gsm) Secara Kontrak Pusat Universiti Putra Malaysia Serdang, Selangor.</p>
--	--	--	---

			<p>Strategi penjanaan dan penjimatan UPM menjadi salah satu fokus utama bagi tahun 2018 dan telah dimaklumkan kepada semua warga UPM melalui teks ucapan Yang Berbahagia Datin Paduka Dato' Naib Canselor UPM di dalam Perutusan Naib Canselor 2018 yang telah diadakan pada 23 Februari 2018.</p> <p>Bagi merealisasikan agenda ini, Pejabat Bursar telah menyediakan Strategi 2018 dengan melibatkan pelaksanaan penjanaan pendapatan di semua pusat tanggungjawab (PTJ) UPM dengan menetapkan KPI kewangan kepada semua PTJ dan penjimatan kos secara keseluruhan sebagai strategi jangka pendek untuk menampung defisit universiti. Pelan ini telah dibentangkan di Mesyuarat Pegawai Kanan pada 5 Mac 2018.</p> <hr/> <p><u>COA :</u> Perancangan kewangan berdasarkan agihan peruntukan dengan langkah penjimatan dan keutamaan kepada pelaksanaan pengurusan aktiviti kualiti universiti.</p> <p><u>BKU :</u> BKU telah melaksanakan aktiviti penjimatan perbelanjaan dan telah merangka aktiviti pendanaan melalui 1) Pengurangan kadar kerja lebih masa 2) Penjanaan melalui kutipan saman,kad matrik rosak/hilang (TELAH DILULUSKAN OLEH JPU)</p>
--	--	--	--

				<p>1) Papan tanda tunjuk arah 2) Pelekat kenderaan Pelajar dan Staf 3) Pelekat kenderaan Pelajar dan Staf (hilang /rosak) 4) Pas Sementara 5) Khidmat Lalulintas (untuk pemohon agensi luar sahaja) (DALAM PROSES KELULUSAN)</p> <p><u>TPU:</u> Telah membuat perancangan pengurusan kewangan bagi peruntukan tahun 2018.</p>
4.	7.5.1.1(b)x.2.1	perlu memberi perhatian dan tindakan segera ke atas NCR yang berulang seperti: penyediaan rekod berkaitan pengajaran dan pembelajaran;	TWP Prasiswazah dan TWP Siswazah	<p><u>Maklumbalas TWP Siswazah :</u> Mencadangkan agar proses melengkapkan fail kursus dimasukkan sebagai salah satu kriteria pemarkahan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan Pensyarah.</p> <p><u>Maklumbalas TWP Prasiswazah :</u> Pihak peneraju proses utama prasiswazah memurnikan rekod kualiti fail kursus, iaitu menjadikan lima (5) daripada 17 item di dalam fail kursus adalah merujuk on-line (SMP), tanpa perlu memasukkan salinan keras ke dalam fail berkenaan. Pelaksanaan berkenaan adalah melalui cadangan pindaan dokumen (CPD) yang berkuasa pada 24 April 2018.</p>
5.	7.5.1.1(b)x.2.2.	penggunaan dokumen lapuk masih lagi berlaku;	Semua TWP	<p><u>Maklum balas Semua TWP :</u> <u>TWP Kolej :</u> Tindakan telah diambil.</p>

			<p><u>TWP iDEC :</u> Tiada dokumen lapuk digunakan.</p> <p><u>TWP FBSB :</u> Hebahan melalui emel kepada pekerja Fakulti.</p> <p><u>TWP FSKT M :</u> FSKT M tidak menyimpan dokumen/borang dalam bentuk salinan hard copy yang dicetak dari sistem. Hanya dokumen yang diperlukan untuk urusan semasa sahaja akan dicetak sekiranya perlu.</p> <p><u>TWP FPAS :</u> Dokumen atau borang yang digunakan perlu dicetak daripada sistem SPK semasa diperlukan.</p> <p><u>TWP IPSAS :</u> Tidak menyediakan salinan keras tetapi semua staf perlu memuat turun dokumen semasa daripada Portal e-ISO.</p> <p><u>TWP ITAFoS :</u> Staf menggunakan borang yang dimuat turun daripada Portal e-ISO</p> <p><u>TWP (PP) PEJABAT NC :</u> Membuat hebahan kepada staf agar lupuskan borang/dokumen lapuk yang ada dalam simpanan dan borang/dokumen terkini boleh dicapai melalui Portal e-ISO.</p>
--	--	--	--

			<p>TWP PSAS : Peringatan supaya tidak menggunakan dokumen lapuk dibuat melalui e-mel kepada semua staf setiap kali pindaan dokumen dikuatkuasakan.</p> <p>TWP CADE Staf telah diingatkan dari masa ke semasa dan yang terkini semasa Taklimat Pengurusan dan Kewangan pada 19 Januari 2018.</p> <p>TWP Pejabat Bursar Tidak menyimpan dokumen secara salinan keras. Dokumen perlu dimuat turun dari Portal e-ISO apabila diperlukan.</p> <p>TWP CQA Dokumen dimuat turun daripada Portal e-ISO mengikut keperluan bagi memastikan tiada sebarang simpanan/cetakan dokumen luput.</p> <p>TWP TPU: Hebahan telah dibuat melalui emel kepada semua staf untuk perkara berkenaan.</p> <p>TWP PEJ. TNCAA: Dokumen terkini dimuat turun daripada Portal e-ISO dan digunakan mengikut keperluan bagi memastikan tiada sebarang simpanan/cetakan dokumen luput.</p>
--	--	--	---

6.	7.5.1.1(b)x.2.3.	laporan kemajuan penyelidikan lewat/tidak dihantar;	TWP Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi	<p><u>Maklum balas :</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penyelidik terlibat akan membuat pembentangan Laporan Kemajuan Penyelidikan (LKP) bermula 16 Mac sehingga 15 April 2018 di setiap PTJ masing-masing. 2. Pemantauan berterusan LKP dan LAP menggunakan Sistem PRIMS yang sedang dibangunkan (dijangka siap Oktober 2018). Memandangkan modul pemantauan sistem PRIMS masih dalam pembangunan, Unit Pemantauan Penyelidikan RMC telah memajukan templet dan senarai projek yang perlu dipantau bagi penghantaran laporan kemajuan/akhir geran dari penaja luar (KPT/MOSTI) kepada pegawai pemantau di PTJ bagi setiap kitaran pemantauan. 3. Cadangan Pindaan Dokumen (CPD) bagi Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi untuk Pejabat TNCPI iaitu di bahagian 5.3.5 Pemantauan Projek, (j) akan berkuatkuasa selepas Bengkel Semakan Dokumen Peneraju Proses P&I yang akan diadakan pada 12 Februari 2018.
7.	7.5.1.1(b)x.2.4.	infrastruktur bangunan kolej kediaman yang diserah urus kepada PJS Dev. Sdn. Bhd. dan UPM Holdings tidak diselenggara dengan baik;	TWP Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) & TWP Kolej	<p><u>Maklum balas TWP Kolej :</u></p> <p>Pertemuan Khas Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU), Pengerusi Jemaah Pengetua dan PJS Dev. Sdn. Bhd. pada 9 Ogos 2017. Antara perkara yang dipersetujui ialah:-</p> <p>a) PJSD telah mengecat dalam bilik pelajar yang melibatkan 611 bilik pelajar,</p>

				<p>b) PJSD telah menukar tilam baharu di blok yang melibatkan 611 bilik pelajar,</p> <p>c) Staf Kolej telah bergotong royong memangkas dahan pokok bunga pagar bersebelahan Dewan Putra 2 pada 9-11 Ogos 2017,</p> <p>d) Kolej Serumpun telah mengadakan semakan inventori di bilik-bilik pelajar sebagai persediaan pendaftaran pelajar baharu seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> - K12 pada 08 Ogos 2017 - K14 pada 15 Ogos 2017 - K16 pada 15 Ogos 2017 - K15 pada 16 Ogos 2017 <p>Satu sesi mesyuarat di antara TNC (HEPA), KMR dan UPMH telah diadakan pada 23 Oktober 2017 bagi membincangkan kemudahan di KMR. Perkara yang dibincangkan;</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Penggantian langsin b) Penukaran perabot c) Tandas tersumbat d) Alat pencegahan kebakaran e) Tingkap berkarat dan tidak boleh dilaras
8.	7.5.1.1(b)x.2.5	alat pemadam api luput tarikh.	TWP Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset	<p><u>Maklum balas :</u></p> <p>Penyelenggaraan alat pemadam api adalah dibawah tanggungjawab PTJ masing-masing.</p> <p>Bagi alat pemadam api, penyelenggaraan berkala dibuat setahun sekali yang dibuat secara berkontrak atau tidak berkontrak. Bagi penyelenggaraan berkala</p>

				ini adalah dipantau oleh PTJ sendiri sama seperti penyelenggaraan kenderaan PTJ. Disamping itu pemeriksaan Tempat kerja oleh PPKKP tahunan telah termasuk elemen alat pemadam api dan juga pemeriksaan kendiri tempat kerja secara berkala yang mana ianya dilaporkan di dalam Mesyuarat KKP PTJ. Sepatutnya jika semua tindakan dilaksana dgn sempurna, tidak mungkin berlaku alat pemadam api telah luput tarikh kecuali PTJ tidak mengambil tindakan segera ke atas penemuan.
9.	7.5.1.1(b)x.3	pelaksanaan proses berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di PTJ perlu dipertingkatkan.	Pengarah, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	<p>Maklum balas :</p> <p>PPKKP melakukan penguatkuasaan dan semakan ke atas PTJ melalui Sesi Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang mana satu (1) kali setahun setiap PTJ.</p>
10.	7.5.1.1(b)x.4	UPM perlu meneliti struktur di Pusat Jaminan Kualiti agar proses pemantauan keberkesanan pelaksanaan ISO dapat dimantapkan.	Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti & TWP Pejabat Pendaftar	<p>Maklum balas COA :</p> <p>Pemantapan Struktur Organisasi CQA dengan kekangan bilangan sumber manusia sedia ada ditangani menerusi pendekatan ‘multitasking’ dengan penstrukturkan terkini pada 14 Mac 2018 bertujuan membantu memantapkan peranan CQA. Keperluan sumber manusia yang masih terdapat kelompongan sebagaimana Struktur Organisasi CQA yang telah diluluskan, diusulkan kepada Pejabat Pendaftar.</p> <p>Maklum balas Pejabat Pendaftar :</p> <p>Setiap PTJ bertanggungjawab meneliti struktur organisasi masing-masing dengan mengambil kira fungsi organisasi dan agihan kerja optimum.</p>

				Perolehan kelulusan pengisian sumber manusia daripada JPA adalah sangat terhad dengan keutamaan agihan kepada entiti baharu seperti Hospital Pengajaran. PTJ yang menghadapi kekurangan staf disarankan untuk melihat agihan tugas staf secara multitasking, dan meneliti semula operasi kerja supaya lebih lean.
--	--	--	--	--

7.5.2 - PRESTASI PROSES, KEBERKESANAN DAN KEPATUHAN PERKHIDMATAN

7.5.2.1 – Pencapaian Objektif Kualiti QMS

7.5.2.1(a) - Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2016 dan Penetapan KPI 2017

11.	7.5.2.1(a)ii.	mengambil perhatian semua ketidakpatuhan kepada pencapaian KPI yang ditemui telah dan sedang diambil tindakan pembetulan untuk penambahbaikan berterusan bagi memastikan tindakan yang diambil adalah berkesan.	Semua Peneraju KPI UPM	<p><u>Maklum balas PSAS :</u> Semua tindakan pembetulan telah diambil tindakan.</p> <p><u>Maklumbalas Bahagian Akademik :</u> Pencapaian KPI Akademik telah dibentangkan kepada semua Pegawai Utama pada 16 Januari 2018 dan tindakan pembetulan telah dan sedang dilaksanakan oleh fakulti yang merupakan pemilik proses.</p>
12.	7.5.2.1(a)viii.	mengambil perhatian mana-mana sasaran KPI Q2 yang berpotensi tidak mencapai sasaran yang ditetapkan akan diambil tindakan pencegahan bagi memastikan KPI yang ditetapkan mencapai sasaran.	Semua Peneraju KPI UPM	<p><u>Maklumbalas Bahagian Akademik :</u> Tindakan pencegahan untuk memenuhi sasaran KPI dilaksanakan oleh Pemilik Proses di fakulti.</p> <p><u>Maklum balas SPS:</u> Bilangan Graduan PhD 378 (500):</p> <ul style="list-style-type: none"> - memastikan peperiksaan akhir pelajar disegerakan bagi mana-mana pelajar yang telah mengemukakan tesis; - memantau proses penghantaran pembetulan tesis oleh pelajar; - memajukan senarai nama pelajar yang telah dilantik ahli JK Peperiksaan

			<p>Tesis kepada Fakulti/Institut untuk peringatan proses penghantaran tesis; dan</p> <ul style="list-style-type: none"> - pembentangan pencapaian graduan dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan untuk melihat pencapaian terkini dan tindakan susulan (jika berkaitan). <p>Peratus GOT :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Proses peperiksaan akhir pelajar yang masih dalam tempoh GOT disegerakan agar tidak melangkaui semester berikutnya; dan - memajukan senarai nama pelajar yang telah dilantik ahli JK Peperiksaan Tesis kepada Fakulti/Institut untuk peringatan proses penghantaran tesis. <p>Bilangan Pascasiswa antarabangsa tidak tercapai.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Giat menyertai aktiviti promosi antarabangsa. SPS telah menyertai 6 pameran pendidikan di luar negara bagi mempromosikan program pengajian siswazah. - Mengeluarkan surat tawaran dengan lebih cepat. Mesyuarat JKKPPS diadakan lebih kerap bagi memastikan keputusan permohonan dapat dikeluarkan dengan segera. SPS juga bercadang untuk memansuhkan JKKPPS bagi mempercepatkan lagi proses kelulusan permohonan. - Pengurusan VAL dan Visa pelajar hendaklah dimantapkan. SPS sentiasa
--	--	--	---

				bekerjasama dengan iPUTRA untuk membantu urusan VAL terutama bagi proses pengecaman dan pengesahan calon pelajar.
<u>Pejabat Bursar : Rujuk KPI Q2</u>				
7.5.2.1(b) - Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras	13. 7.5.2.1(b)iii.	mengambil perhatian laporan perincian laporan pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras bagi tempoh Januari hingga Jun 2017 sebagaimana Lampiran 11. Mesyuarat meminta melaksanakan kawalan ketakakuran/tindakan pencegahan/penambahbaikan terhadap laporan yang tidak mencapai sasaran.	Ketua PTJ dan Peneraju Proses yang berkaitan (Pejabat Bursar, PKU, KKSSAAS, FPV, Penerbit & Pejabat PUU)	<p><u>Maklum balas : Pejabat PUU</u> Pegawai telah meletak jawatan berkuat kuasa 31 Julai 2017 dan pegawai baharu yang mengantikannya telah diberi penerangan mengenai Garis Panduan Pelanggaran Kontrak Perkhidmatan dan senarai dokumen lengkap untuk notis tuntutan dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja.</p> <p><u>Maklum balas : Penerbit UPM</u> Pemantauan ke atas proses pengurusan penerbitan diteruskan dari semasa ke semasa dan sasaran telah dicapai dalam tempoh Januari – Disember iaitu 86.2%.</p> <p><u>Maklum balas : Pejabat Bursar</u> Pindaan akan dibuat ke atas sasaran 2018 bagi laporan Penilaian Prestasi Pembekal bagi proses perolehan iaitu :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Laporan keseluruhan Penilaian Prestasi Pembekal 2 kali setahun (bagi markah 95% dan ke atas) dipinda kepada markah 90%. ii. Laporan keseluruhan Penilaian Prestasi Pembekal 2 kali setahun - 50% dan ke bawah (kurang memuaskan) dipinda daripada 0% kepada 10%.

				<u>Maklum balas : PKSSAAS</u> Kebiasaan bagi sasaran KPI tempahan Dewan Besar, Panggung Percubaan dan Perkhidmatan Kebudayaan akan mencapai 100% pada sukuan keempat mengambil kira diawal tahun kekurangan mendapat tempahan daripada pihak luar.
14.	7.5.2.1 (c)	Pencapaian Piagam Pelanggan		
		iv. mengambil perhatian cadangan penambahbaikan yang dilaporkan, iaitu:		
		<ul style="list-style-type: none"> • paparan laporan pencapaian Piagam Pelanggan perlu diaparkan pada setiap laman sesawang PTJ. Terdapat PTJ yang memaparkan keseluruhan laporan yang di paparkan pada laman sesawang utama UPM. 	Semua Ketua PTJ	<p><u>Maklum balas :</u> <u>CQA</u> : Telah dipaparkan Piagam Pelanggan CQA yang terkini (Februari 2018).</p> <p><u>BKU</u> : Telah dilaksanakan.</p> <p><u>TPU</u>: Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan telah dipaparkan pada laman sesawang TPU.</p> <p><u>Bahagian Akademik</u>: Telah paparkan Piagam Pelanggan yang terkini.</p>
		<ul style="list-style-type: none"> • pembangunan Piagam Pelanggan perlu disahkan dalam mana-mana perbincangan atau mesyuarat utama PTJ bagi tujuan pemakluman semua ahli PTJ. 		<p><u>Maklum balas :</u> <u>CQA</u> : Piagam Pelanggan CQA dengan pindaan terkini melalui kelulusan Mesyuarat Pengurusan CQA pada 14 Mac 2018. Turut dikomunikasikan pemakluman bersama pekerja CQA menerusi emel.</p> <p><u>BKU</u> : Mesyuarat bersetuju dengan Piagam Pelanggan BKU seperti berikut dan berkuatkuasa serta merta.</p>

			<ol style="list-style-type: none"> 1. Masa diambil untuk mengeluarkan Pelekat Kenderaan tidak melebihi 10 minit. 2. Masa diambil untuk mengeluarkan Pas Pekerja 3 hari bekerja. 3. Masa diambil untuk mengeluarkan Kad Kampus 3 hari bekerja. 4. Masa diambil untuk memproses Notis Kesalahan Lalulintas yang diterima tidak melebihi 10 minit. 5. Proses penyediaan dan pemasangan Papan Tanda Tunjuk Arah dalam tempoh 3 hari. <p>Tarikh mesyuarat dijalankan pada 15 Mei 2017 dalam Minit Mesyuarat 1.16.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • pelaporan piagam pelanggan telah dimasukkan sebahagian daripada pemarkahan penilaian laman web PTJ bagi anugerah Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan 2017. 		<p><u>Maklum balas :</u> <u>COA:</u> Dimasukkan sebagai elemen Pemarkahan Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran - HKIP UPM 2018.</p>

7.6 - KOMUNIKASI , MAKLUM BALAS PELANGGAN/ PIHAK BERKEPENTINGAN DAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN

7.6.1 - Maklum Balas Pelanggan

15.	7.6.1(e)i.	<p>mengambil perhatian dan tindakan berhubung cadangan berikut:</p> <p>memperluaskan capaian Sistem Maklum Balas Pelanggan (U-Respons) kepada Pegawai Khidmat Pelanggan UPM Holdings ekoran adanya maklum balas seperti pertanyaan dan aduan daripada pengguna berkaitan entiti berkenaan; dan</p>	PKPU	<p><u>Maklum balas :</u> Mesyuarat bagi mewujudkan satu group email bagi UPM Holdings, UPM Consultancy & Services Sdn Bhd dan UPM Education & Training Sdn Bhd akan dibuat pada 23 April 2018.</p> <p>Kaedah sedia ada ialah dengan menghantar surat rasmi / emel memaklumkan aduan kepada UPM</p>
-----	------------	--	------	---

					Holdings, UPM Consultancy & Services Sdn Bhd dan UPM Education & Training Sdn Bhd.
16.	7.6.1(e)ii.	mewujudkan soalan lazim untuk rujukan semua pengguna Sistem U-Respons sebagai salah satu kaedah bagi mengurangkan jumlah pertanyaan yang berulang.			<p><u>Maklum balas :</u> Pengumpulan soalan lazim dalam sistem U-Respon akan dibuat bersama dengan maklumbalas TPKP sebagai pengguna sistem pada 16 sehingga 27 April 2018.</p> <p>Bengkel naik taraf sistem U-Respon pada 28 Mei 2018 bersama IDEC akan turut membincangkan tujuan mewujudkan menu soalan lazim pada interface sistem dan button checking bagi menguji kestabilan sistem.</p>
7.6.2 - Maklum balas Pihak Berkepentingan					
17.	7.6.2(c)i.	<p>mesyuarat mengambil perhatian dan tindakan terhadap dua (2) cadangan penambahbaikan berikut, iaitu:</p> <p>membangunkan soal selidik kajian pihak yang berkepentingan yang mencakupi keseluruhan keperluan pihak yang berkepentingan sepetimana yang dinyatakan dalam Lampiran 1a-h dalam Manual Kualiti (UPM/PGR/MK); dan</p>	PKPU		<p><u>Maklum balas :</u> Bengkel membangunkan Soal Selidik Kajian Pihak Berkepentingan akan dibuat pada 27-28 Jun 2018 mengambil kira perancangan edaran Soal Selidik akan dibuat pada Dis 2018.</p>
18.	7.6.2(c)ii.	melaksanakan kajian keperluan pihak yang berkepentingan terhadap peneraju proses utama universiti.			
7.6.4 - Kajian Kepuasan Pelanggan					
19.	7.6.4(f)i.	<p>mengambil perhatian terhadap cadangan penambahbaikan pada pelaksanaan KKP pada masa hadapan seperti berikut:</p> <p>kemudahan fizikal lain adalah termasuk kemudahan ruang menunggu, kaunter penyembut tetamu, papan tanda arah, bilik mesyuarat, lif, surau, tandas dan kemudahan untuk Orang Kelainan Upaya (OKU);</p>	PKPU		<p><u>Maklum balas :</u> Bengkel Pengurusan Pelanggan akan dibuat pada 4 Mei 2018 memandangkan ia tidak dapat dilaksanakan pada Dis 2017 kerana berlaku pertukaran dan penamatkan kontrak staf.</p>

20.	7.6.4(f)ii	terdapat 47 aduan berkaitan kemudahan fizikal dan perkhidmatan pelanggan di kaunter atau telefon. Peratus aduan yang dianalisa mendapati skop sokongan (n=68, 60.7%) lebih tinggi berbanding skop yang lain dimana masing-masing 18 di bawah skop pra siswazah, 17 di bawah skop pascasiswazah dan sembilan (9) di bawah skop penyelidikan dan Inovasi.		Bengkel akan merangkumi penekanan kepada penambahbaikan kemudahan fizikal, perkhidmatan pelanggan di kaunter atau telefon.
21.	7.6.4(f)iii.	cadangan penambahbaikan lain yang diperolehi adalah terdiri daripada kemudahan tandas di PTJ, kemudahan tempat meletakkan kenderaan dan kemudahan surau. Peratus cadangan yang dikemukakan adalah terdiri daripada skop sokongan (n=69, 55.2%) dan di bawah kategori kemudahan fizikal awam sebanyak 50 cadangan (40%).		
7.7 – PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO DAN PELUANG				
7.7.1 - Pengenapstian Risiko dalam Proses/Prosedur Kerja				
22.	7.7.1(f)i.	mengambil perhatian berhubung cadangan tindakan penambahbaikan seperti berikut: mengenalpasti dan menyenaraikan proses kerja/SOP sebenar mengikut peneraju (proses utama, sokongan dan operasi), merekod dan melaksana RBT dalam semua proses kerja tersebut;	KBPKP/ Semua Timbalan Wakil Pengurusan PP/PTJ	<p>Maklum balas BKU : Cadangan mengadakan kursus/bengkel pada 6 Februari 2018.</p> <p>Maklum balas FBSB : Akan hadir dalam sesi bengkel berkenaan.</p> <p>Maklum balas FSKTM : Semua urusan/proses kerja dijalankan mengikut prosedur dan standard yang ditetapkan peneraju proses sebagaimana prosedur ISO.</p> <p>Fakulti sentiasa memantau aktiviti agar selari dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.</p>

			<p><u>Maklumbalas FPAS:</u> Proses kerja di PTJ mengikut prosedur ISO yang berkuatkuasa. Penyataan risiko dan pihak berkepentingan telah diluluskan di peringkat Jawatankuasa Pengurusan Fakulti dan telah dihebahkan kepada warga fakulti pada 26 Mac 2018 melalui emel.</p> <p><u>Maklum balas IPSAS :</u> Telah mengadakan perbincangan untuk mengenal pasti Risiko dalam proses kerja berkaitan Skop Siswazah dan Skop Penyelidikan & Inovasi.</p> <p><u>Maklum balas Pejabat NC :</u> PNC telah membuat perbincangan dalam Bengkel Penyediaan/Pemantapan QMS: Konteks Organisasi dan Tindakan menyatakan Risiko PTJ pada 25-26 Januari 2018 yang telah dianjurkan oleh Pusat Jaminan Kualiti.</p> <p><u>Maklum balas PSAS:</u> Pengenapastian risiko dalam proses/prosedur kerja akan dilakukan dalam Bengkel Penyediaan/Pemantapan Dokumentasi pengurusan Kualiti (QMS) : Konteks Organisasi dan Tindakan Menyatakan Risiko Pusat Tanggung Jawab (PTJ) pada 25 dan 26 Januari 2018.</p> <p><u>Maklum balas SPS:</u> SPS telah membuat perbincangan dalam Bengkel Penyediaan/Pemantapan Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS): Konteks Organisasi dan Tindakan</p>
--	--	--	--

				<p>Menyatakan Risiko PTJ - Skop Pra Universiti, Pra Siswazah & Siswazah pada 23-24 Januari 2018 yang telah dianjurkan oleh Pusat Jaminan Kualiti, UPM.</p> <p>Pemurnian semula telah dibincangkan dan dipersetujui di dalam Mesyuarat Pengurusan Sekolah Pengajian Siswazah pada 21 Februari 2018 dan telah diwar-warkan kepada semua staf melalui emel pada 28 Februari 2018 dan telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Semakan Keberkesanan Proses (MSKP) Peneraju Proses Pengajian Siswazah Tahun 2018 pada 26 Februari 2018.</p> <p><u>Maklum balas CQA:</u> Menganjur dan menyelaras pelaksanaan Bengkel Penyediaan/Pemantapan Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS): Konteks Organisasi dan Tindakan Menyatakan Risiko PTJ pada 23-26 Januari 2018 mengikut skop/entiti perkhidmatan.</p> <p><u>Maklum balas TPU:</u> Penyediaan dokumentasi telah disediakan dan disahkan dalam Mesyuarat Pengursan pada 15 Mac 2018.</p> <p><u>Maklum balas Bahagian Akademik:</u> Penyataan risiko dan pihak berkepentingan telah dibincangkan dan diluluskan di peringkat Mesyuarat Pengurusan BK dan BAKD pada 19 Februari 2018.</p>
--	--	--	--	--

23.	7.7.1(f)ii.	<p>senarai risiko yang telah dikenalpasti kini, dianalisis kawalan sedia ada dan strategi tindakan, ditentukan sama ada untuk mengelak risiko, terima risiko kerana peluang, hapus sumber risiko atau pindahkan risiko, dan dibawa untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM; dan</p>		<p><u>Maklum balas BKU:</u> Pengenapstian risiko dalam proses/prosedur kerja akan dilakukan dalam Bengkel Penyediaan/Pemantapan Dokumentasi pengurusan kualiti (QMS): Konteks Organisasi dan Tindakan Menyatakan Risiko Pusat Tanggungjawab (PTJ) pada 13 dan 14 Februari 2018.</p> <p><u>Maklum balas FBSB :</u> Akan hadir dalam sesi bengkel berkenaan.</p> <p><u>Maklum balas IPSAS :</u> Maklumat telah dibawa ke Bengkel Penyediaan/Pemantapan Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS): Konteks Organisasi dan Tindakan Menyatakan Risiko Pusat Tanggung Jawab mengikut Skop pada 23 & 24 Januari 2018 dan 25 & 26 Januari 2018.</p> <p><u>Maklum balas Pejabat NC:</u> PNC telah membuat perbincangan dalam Bengkel Penyediaan/Pemantapan QMS: Konteks Organisasi dan Tindakan menyatakan Risiko PTJ pada 25-26 Januari 2018 yang telah dianjurkan oleh Pusat Jaminan Kualiti.</p> <p>Pemurniaan akan diadakan pada 12 Februari 2018 bagi semua entiti di bawah Pejabat Naib Canselor.</p> <p><u>Maklum balas PSAS:</u> Pengenapstian risiko dalam proses/prosedur kerja akan dilakukan</p>
-----	-------------	--	--	---

				dalam Bengkel Penyediaan/Pemantapan Dokumentasi pengurusan Kualiti (QMS) : Konteks Organisasi dan Tindakan Menyatakan Risiko Pusat Tanggung Jawab (PTJ) pada 25 dan 26 Januari 2018. <u>Maklum balas Bahagian Akademik:</u> Penyataan risiko dan pihak berkepentingan telah dikenalpasti dan dibincangkan di peringkat Mesyuarat Pengurusan BK dan BAKD pada 19 Februari 2018.
24.	7.7.1(f)iii.	risiko positif (peluang) juga akan dikenalpasti daripada senarai risiko yang dikemaskini.		<u>Maklum balas BKU:</u> Cadangan mengadakan kursus/bengkel pada 6 Februari 2018. <u>Maklum balas FBSB :</u> Akan hadir dalam sesi bengkel berkenaan. <u>Maklum balas IPSAS :</u> Akan mengenal pasti risiko positif dari semasa ke semasa dan merujuk juga kepada hasil keputusan Bengkel Penyediaan/Pemantapan Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS): Konteks Organisasi dan Tindakan Menyatakan Risiko Pusat Tanggung Jawab mengikut Skop pada 23 & 24 Januari 2018 dan 25&26 Januari 2018. <u>Maklum balas Pejabat NC:</u> PNC telah membuat perbincangan dalam Bengkel Penyediaan/Pemantapan QMS: Konteks Organisasi dan Tindakan menyatakan Risiko PTJ pada 25-26

				<p>Januari 2018 yang telah dianjurkan oleh Pusat Jaminan Kualiti.</p> <p>Pemurnian diadakan pada 12 Februari 2018 bagi semua entiti di bawah Pejabat Naib Canselor.</p> <p><u>Maklum balas PSAS:</u> Pengenalpastian risiko dalam proses/prosedur kerja akan dilakukan dalam Bengkel Penyediaan/Pemantapan Dokumentasi pengurusan Kualiti (QMS) : Konteks Organisasi dan Tindakan Menyatakan Risiko Pusat Tanggung Jawab (PTJ) pada 25 dan 26 Januari 2018.</p> <p><u>Maklumbalas Bahagian Akademik:</u> Senarai risiko (positif) telah dikenalpasti dan dibincangkan di peringkat Mesyuarat Pengurusan BK dan BAKD pada 19 Februari 2018.</p>
7.8.2 - Status Tindakan Pembetulan				
25.	7.8.2(c)i.	<p>mengambil perhatian laporan status tindakan pembetulan yang masih perlu diambil tindakan bagi memastikan keberkesanan tindakan, iaitu:</p> <p>tindakan pembetulan QMS yang tidak berkesan berkaitan KPI untuk mengekalkan kedudukan laman web UPM pada kedudukan tiga teratas;</p>	TWP Perpustakaan Sultan Abdul Samad	<p><u>Maklum balas :</u> Laporan status tindakan pembetulan berkaitan KPI untuk mengekalkan kedudukan laman web UPM pada kedudukan tiga teratas adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membina Laman Web baharu UPM yang mula digunakan pada awal April 2017 <p>Laman web baharu UPM dan semua Pusat Tanggungjawab di UPM dirasmikan pada 3 April 2017</p>

			<p>2. Memperbanyakkan kandungan yang dapat menarik pihak luar membuat pautan ke Laman Web UPM/PTJ.</p> <p>Pihak CosComm telah memuat naik berita dan artikel yang terkini sepanjang masa dan secara berterusan pada Laman Web utama UPM.</p> <p>3. Membuat pertukaran pautan dengan organisasi/ individu luar secara berterusan.</p> <p>Pihak CosComm telah mengambil tindakan membuat pertukaran pautan melalui M.O.U dan juga lawatan dari delegasi dalam dan luar negara. [124 lawatan delegasi luar negara, 23 MOU/MOA Luar Negara (Akademik/Pertukaran Pelajar), 28 MOU/MOA Dalam Negara]</p> <p>4. Mewujudkan menu Alumni di menu pelanggan (web Fakulti dan Institut sahaja)</p> <p>Menu alumni telah diwujudkan secara automatik pada setiap Menu Pelanggan web Fakulti dan Institut . Ini adalah satu langkah bagi meningkatkan kriteria impact pada Webometrics.</p> <p>5. Membangunkan page khas untuk Alumni UPM (staf dan pelajar)</p>
--	--	--	---

				<p>Perbincangan awal telah diadakan dengan pihak Pusat Alumni UPM pada 21 April 2017. Hasil perbincangan ialah Pusat Alumni UPM kurang bersetuju untuk menbangunkan page khas untuk Alumni UPM (staf dan pelajar) kerana melibatkan privasi alumni.</p> <p>6. Menambah jumlah penulisan dalam format HTML dan PDF di Laman Web UPM / PTJ</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Laman web berpusat yang baru telah mempunyai ruangan untuk menulis artikel peringkat PTJ b) Penilaian laman web PTJ memerlukan setiap PTJ membuat artikel dalam laman web masing-masing <p>Keberkesanan Tindakan Pembetulan yang dibuat akan dilaporkan setelah kedudukan laman web UPM bagi tempoh penilaian Julai – Disember 2017 yang akan diumumkan pada penghujung Januari 2018.</p>
--	--	--	--	--

7.10 - PERUBAHAN YANG MEMBERI KESAN

7.10.1 - Pembentukan dan Semakan Dasar

26.	7.10.1(c)	mengambil maklum semakan terhadap Dasar Kualiti dibuat oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan dasar kini dibuat pada 20 Jun 2017 berdasarkan keperluan standard baharu ISO 9001:2015. Mesyuarat mengambil perhatian apa-apa dasar atau polisi mengenai pengurusan kualiti Universiti Putra Malaysia yang berkuat kuasa sebelum ini adalah dimansuhkan.		
-----	-----------	--	--	--

	Mesyuarat meminta Dasar Kualiti terkini dipaparkan/digunakan/pakai di semua Pusat Tanggungjawab.	Semua Ketua PTJ & TWP	<p><u>Maklum balas Ketua PTJ / TWP:</u></p> <p><u>Kolej</u> : Telah ambil maklum.</p> <p><u>iDEC</u> : Edaran keratan Dasar Kualiti terkini kepada semua staf.</p> <p><u>EBSB</u> : Telah diambil tindakan.</p> <p><u>FSKTM</u> : Telah dilaksanakan.</p> <p><u>FPAS</u> : Dihebahkan kepada semua staf melalui emel.</p> <p><u>SPS</u>: Kad kecil Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti UPM terkini telah diedarkan kepada semua staf SPS dan telah dipaparkan di bilik-bilik mesyuarat, lobi SPS serta di setiap unit.</p> <p><u>IPSAS</u> : Dasar Kualiti terbaru telah dipaparkan di ruang papan kenyataan IPSAS.</p> <p><u>Pejabat NC</u> :</p> <p>Tindakan telah diambil dan dipaparkan dalam laman sesawang Pejabat Naib Canselor dan Kad Kecil Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti diedarkan pada staf di PTJ.</p> <p><u>Pejabat PUU</u> :</p> <p>Dasar Kualiti terkini telah dipaparkan di Pejabat Penasihat Undang-Undang.</p> <p><u>Pejabat Bursar</u>:</p> <p>Telah diambil maklum dan dijemelkan kepada semua warga Pejabat Bursar.</p>
--	--	-----------------------	--

				<p><u>PSAS :</u> Dasar Kualiti terkini telah dimaklumkan kepada semua staf PSAS melalui e-mel pada 16 Januari 2018. Kad kecil Dasar Kualiti dan Objektif kualiti terkini telah diedarkan kepada staf PSAS.</p> <p><u>CADe :</u> Dasar Kualiti terkini telah dipaparkan dan digunakan di CADe.</p> <p><u>CQA :</u> Dasar Universiti Putra Malaysia (Sistem Pengurusan Kualiti) 2017 dibuat pada 20 Jun 2017 dipaparkan pada Portal e-ISO juga dipaparkan di CQA.</p> <p><u>BKU :</u> Telah diambil tindakan.</p> <p><u>TPU:</u> Hebahan telah dibuat kepada semua staf melalui emel.</p> <p><u>Bahagian Akademik</u> Dasar Kualiti terkini (dibuat pada 20 Jun 2017) telah dipaparkan di papan kenyataan dan digunakan di PTJ.</p>
27.	7.10.1(e)	mengambil perhatian selain daripada 3 dasar ISO (QMS, ISMS dan EMS) yang digunakan di UPM, terdapat juga dasar lain yang digunakan di UPM yang dirujuk dan berkaitan, seperti Dasar Kelestarian Hijau dan lain-lain. Mesyuarat mencadangkan supaya dasar terpakai di UPM dimaklum/dihebah kepada warga universiti.	Pejabat Pendaftar dan Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi	<p><u>Maklum balas Pejabat Pendaftar:</u> Perkeliling dan Surat Pekeliling dasar yang diterima dari kerajaan untuk digunakan di UPM dihebahkan menerusi surat pemakluman kepada Ketua PTJ dan peneraju dasar, serta dimuatnaik di laman web Pejabat Pendaftar. Setiap peneraju dasar berkaitan bertanggungjawab untuk membuat hebahan dan memberi arahan penguatkuasaan dasar kepada warga</p>

				<p>universiti.</p> <p><u>Maklum balas Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi:</u> Edaran maklumat dilakukan melalui Buletin, Info UPM dan edaran ke PTJ bagi dasar-dasar yang diguna pakai di UPM.</p> <p>Dasar Hijau telah diedarkan sejak 11 April 2011 dan maklumat boleh diperolehi di Laman Web UPM.</p>
7.10.2 - Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti				
28.	7.10.2(b)i.	mengambil perhatian 13 perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti yang dilaporkan masih dalam proses tindakan pelaksanaan, iaitu: kuat kuasa ISO 9001:2015;	Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti	<p><u>Maklum balas :</u> Kuat kuasa Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 pada 1 Jun 2018.</p>
29.	7.10.2(b)ii.	inisiatif visibiliti pertanian;	Dekan, Fakulti Pertanian	<p>Inisiatif Visibiliti Pertanian adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Program Pertanian Bandaran 2. Program Inkubasi Usahawantani 3. Promosi Media Massa , Buletin ,Surat Khabar, Facebook,Laman Web, Pameran MAHA, Pecipta 4. Promosi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa 5. eDUPARK 6. Produk Inovasi berdasarkan pertanian PadiU,Hibrid red Talapia,Rumput SATIRI, Putra J58, Zappa Bacto ten,Biogreen, Putra Tani 7. Konferensi,seminar dan Forum di dalam bidang pertanian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti IPIMA,

				<p>FAnres, IAC.</p> <ol style="list-style-type: none"> 8. Agripolis 9. AgriQuest Newsletter. 10. Farm Run 2017, Vivarium 11. Program Jaringan Industri dan Masyarakat 12. Mobiliti Pelajar Inbound dan Outbound 13. Lawatan dari pelbagai Universiti dalam dan luar negara. 14. Program UPM Agrobank Certification Program 15. Program 2u2i
30.	7.10.2(b)iii.	program pemindahan ilmu dan kepakaran penyelidikan;	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	<p>Maklum balas :</p> <p>RMC telah menjalankan beberapa siri program pemindahan ilmu dan kepakaran penyelidikan sepetimana berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Program Pemerkasaan Panel Penilai UPM; 2. Bengkel Penulisan Proposal Kepada Penyelidik Muda; 3. Industry Collaboration Engangement (ICE) Day; 4. Distinguished Lecture & Collaboration Series. <p>Bagi tahun 2018, program berikut telah dirancang sebagai tambahan kepada program-program yang telah dijalankan di atas iaitu ;</p> <ol style="list-style-type: none"> 5. Program RLR (Regulation - Literate Researcher); 6. Forum "Winning and Managing High Impact Research Grants"; 7. Bengkel "Logical Framework Analysis"; dan 8. Writing Enculturation Workshop Series.

31.	7.10.2(b)iv.	Geran Putra Berimpak;		<u>Maklum balas :</u> Kesan daripada masalah ekonomi global, dana penyelidikan dari sektor swasta dan antarabangsa semakin terhad. Bagi membantu penyelidik cemerlang menjalankan aktiviti penyelidikan, Geran Putra Berimpak diperkenalkan untuk memberi peluang kepada penyelidik cemerlang memohon geran universiti secara individu.
32.	7.10.2(b)v.	Penawaran program 2u2i, iaitu program Pembelajaran Berasaskan Kerja (Work-Based Learning);	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	<u>Maklum balas :</u> Perubahan kepada SPK tentang 2u2i masih belum diukur kerana pelajar kohort 2u2i pertama (Bacelor Sains Pengurusan Ladang) belum bergraduat iaitu masih di tahun ke-2 pengajian.
33.	7.10.2(b)vi.	Pengurusan Tabung Kutipan dan Agihan Dana Wakaf Ilmu UPM;	Pengarah, WAZAN	<u>Maklum balas :</u> Rujuk Lampiran WAZAN [Minit 7.10.2(b)vi] berkaitan pengurusan tabung kutipan dan agihan dana Wakaf Ilmu.
34.	7.10.2(b)vii.	Pelaksanaan Pengurusan Risiko UPM yang menyeluruh;	Pengarah CoSComm	<u>Maklum balas :</u> Rujuk Lampiran CoSComm [Minit 7.10.2(b)vii.] berkaitan pelaksanaan Pengurusan Risiko UPM yang menyeluruh.
35.	7.10.2(b)viii.	Pemantapan pelaksanaan program Summer School;	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	<u>Maklum balas :</u> (i) UPM telah menjadikan Program Summer School sebagai KPI baharu bagi fakulti pada tahun 2018. (ii) Semua fakulti telah menyediakan

				pakej program masing-masing dan akan ditawarkan bermula Jun-Okttober 2018. (iii) Promosi program ini telah dilaksanakan bermula Februari 2018. (iv) Maklumat lanjut boleh didapati di laman web iPUTRA di www.intl.upm.edu.my
36.	7.10.2(b)ix.	Siri Program Temu Mesra Alumni;	Pengarah, Pusat Alumni	<u>Maklum balas :</u> (i) Pusat Alumni telah melaksanakan 46 Program Temu Mesra bagi tahun 2017 bertujuan menambah pendanaan bagi menyokong program/aktiviti Pusat Alumni. (ii) Sumbangan tunai yang diterima melalui Program Temu Mesra Alumni adalah sebanyak RM40,298.75. (iii) Sumbangan 'inkind' dalam bentuk barang yang diterima melalui Program Temu Mesra Alumni adalah sebanyak RM18,500.00. (iv) Pusat Alumni turut berjaya mendapatkan penajaan biasiswa melalui Program Temu Mesra Alumni bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM285,000.00.
37.	7.10.2(b)x.	Program Penajaan Biasiswa Pendidikan Kolaborasi Antara UPM-Yayasan Sime Darby;	Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)	<u>Maklum balas :</u> Setakat Disember 2017, telah berjaya menaja 7 orang pelajar : 3 pelajar Master dan 4 pelajar Ph.D
38.	7.10.2(b)xi.	Bengkel Pemantauan Geran Putra IPB dan Geran RACE;	Pengarah RMC	<u>Maklum balas :</u> 17 Bengkel Pemantauan Geran IPB telah dijalankan di RMC bermula April 2017 sehingga Ogos 2017.

				Mengikut tatacara pemantauan yang baharu, Bengkel Pemantauan Laporan Akhir Geran Putra (bagi projek yang tidak mencapai KPI) akan dijalankan di PTJ masing-masing bermula 15 Mac – 15 April 2018 (Kitaran 1) dan 15 Sept. – 15 Okt 2018 (Kitaran 2). Laporan pembentangan akan dimajukan ke RMC untuk tindakan susulan kepada projek yang masih berstatus ‘Tidak Mencapai KPI.’
39.	7.10.2(b)xii.	Pelaksanaan amalan pembelajaran berimpak tinggi ini (HIEPs atau High Impact Educational Practices), Service/Community Based Learning (SL);	Pengarah CADE	<p><u>Maklum balas :</u></p> <p>100 peratus program pengajian prasiswazah dan asasi yang menjalani semakan kurikulum telah mengandungi 5 daripada 9 elemen HIEPs.</p> <p>Setakat 31 Januari 2018 sejumlah 65 daripada 72 program telah mendapat kelulusan Senat manakala 2 program dalam semakan Senat dan 5 program lagi dalam semakan JKU. Maklumat terperinci adalah seperti di <u>Lampiran CADe</u>.</p>
40.	7.10.2(b)xiii.	Penstrukturran pentadbiran UPM Kampus Bintulu.	Dekan/ Pentadbiran Kampus Bintulu	<p><u>Maklum balas :</u></p> <p>Penstrukturran baharu UPMKB telah berkuatkuasa pada 1 Mac 2018 dengan pelantikan Pengarah UPMKB sebagai ketua pengurusan kampus cawangan.</p>
7.11 - PELUANG PENAMBAHBAIKAN				
41.	7.11(c)	mengambil perhatian terhadap cadangan tarikh pelaksanaan tindakan bagi peluang penambahbaikan yang perlu dipantau oleh peneraju QMS dan ISMS yang terlibat.	QMS SAHAJA: TWP TNCPI / TWP TNCJINM	<p>Maklumat cadangan tarikh pelaksanaan dan status tindakan pemantauan telah dinyatakan.</p> <p>[Rujuk Lampiran 7.11(c)]</p>

LAMPIRAN WAZAN [Minit 7.10.2(b)vi.]

LAPORAN TAHUNAN 2017

PUSAT PENGURUSAN WAKAF, ZAKAT DAN ENDOWMEN (WAZAN)

A. PENDAHULUAN

Penubuhan Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM yang berkuatkuasa pada 1 Oktober 2016 yang lalu adalah sangat tepat khususnya bagi mengerakkan transformasi pengurusan filantropi UPM secara efisyen dan efektif. Penubuhannya juga adalah selaras dengan hasrat YB Menteri Pendidikan Tinggi dalam membina potensi serta momentum penjanaan pendapatan alternatif Universiti Awam (UA) seperti yang digariskan dalam Buku Ungu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

B. PELAKSANAAN DAN PENCAPAIAN

UPM telah menubuhkan Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) dengan harapan WAZAN dapat menguruskan tabung secara profesional. Melalui struktur baharu yang meletakkan pengurusan wakaf, zakat dan endowmen di bawah satu PTJ khusus, ia akan menjadi salah satu usaha jangka panjang UPM dalam merealisasikan kelestarian kewangan dengan lebih telus.

Alhamdulillah, sehingga 31 Disember 2017, sejumlah RM9,039,750.52 telah berjaya dikumpulkan ke dalam tabung Dana Wakaf Ilmu UPM hasil penjanaan dan sumbangan ramai menerusi pelbagai saluran kemudahan yang disediakan di mana RM7,850,569.10 merupakan jumlah kutipan manakala RM1,189,181.42 merupakan hasil mudharabah. Sebahagian hasil kutipan telah dimanfaatkan untuk biasiswa, dermasiswa, fasiliti masjid dan lain-lain.

Sepanjang tahun 2017, kutipan tahunan wakaf adalah sebanyak RM853,545.38 di mana jumlah tersebut meningkat sebanyak 17.78% dari tahun sebelumnya (**Rujuk Rajah 1**). Manakala kutipan zakat yang berjaya dikumpul adalah sebanyak RM6,440,833.79 di mana jumlah tersebut meningkat sebanyak 12.31% dari tahun sebelumnya (**Rujuk Rajah 2**). Dari segi agihan wakaf pula, jumlah yang telah dibelanjakan secara kumulatif (**2012 hingga 2017**) adalah sebanyak RM882,707.83 di mana jumlah agihan ini termasuk pembelian kipas gergasi di Masjid UPM yang bernilai RM163,200.00. Manakala agihan zakat bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM2,346,520.11 (**Rujuk Rajah 3**) dan diagihkan kepada 4,939 orang penerima (**Rujuk Rajah 4**).

Di antara peranan dan sumbangan WAZAN :

- (i) Pakar Rujuk Wakaf di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia (USM) dalam penilaian penyelidikan wakaf dan zakat pelajar pasca siswazah
- (ii) Pakar Rujuk Wakaf di Yayasan IQRA' dalam membangunkan cadangan penubuhan Wakaf Korporat
- (iii) Panel Penasihat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam membangunkan Garis Panduan Penubuhan Wakaf Universiti Awam (Wakaf@UA);
- (iv) Penulis dan Ahli Kumpulan Buku Ungu, KPT [Purple Book : (UniTP) – Enhancing University Income Generation Endowmen and Waqf
- (v) Ketua Kumpulan “KPT National Roadshow Team” yang bertanggungjawab untuk memberi penerangan dan sebagai pemudahcara kepada Universiti Awam dalam menjalin kolaborasi program wakaf bersama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing
- (vi) Ketua Sekretariat Pengurusan Wakaf IPT Selangor
- (vii) Setiausaha Jawatankuasa Penaja Majlis Wakaf Universiti Awam dan IPT Malaysia
- (viii) Ketua Fasilitator Penyediaan Buku Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan
- (ix) Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Zakat IPT Selangor.

Selain itu, WAZAN juga berjaya menghasilkan program yang memberi kesan positif kepada masyarakat melalui program-program seperti berikut :

(i) Program WAZAN Prihatin

Program ini adalah lebih berkonsepkan kafalah iaitu penajaan secara langsung di mana pihak WAZAN menawarkan senarai pelajar asnaf cemerlang daripada kalangan keluarga yang amat daif untuk ditaja secara terpilih dan konsisten oleh mana-mana individu atau organisasi. Menerusi Skim tersebut, pihak penderma boleh mengagihkan sumbangan penajaan mereka mengikut cara dan kaedah yang boleh ditentukan sendiri oleh mereka di mana pihak WAZAN akan memainkan peranan sebagai pengantara dan pemudahcara. Bagi tahun 2017, jumlah kutipan tabung WAZAN Prihatin adalah sebanyak RM63,400.00 dan jumlah agihan pula adalah sebanyak RM5,400.

(ii) Freeshop

Premis sehenti yang menerima sumbangan pelbagai barang baru dan terpakai untuk dimanfaatkan oleh sesiapa sahaja yang memerlukan. Penubuhan Freeshop merupakan kesinambungan penyeri tambahan dalam memperkasa budaya berbakti yang bukan sahaja berperanan sebagai mekanisme kebajikan bagi membantu golongan yang memerlukan.

(iii) Freemeals

Juadah sarapan pagi percuma kepada para pelajar yang memerlukan seperti golongan asnaf dan musafir yang dalam kesulitan.

(iv) Freefuels

Projek khas pemberian minyak percuma kepada penduduk sekitar Serdang terutamanya golongan pelajar UPM di mana ianya khas untuk motosikal berkuasa 150cc dan ke bawah sahaja.

(v) Projek 5:2:2:1

Pakej bantuan khas keperluan barang dapur untuk mereka yang menghadapi kesulitan kewangan, merangkumi set 5kg beras, 2kg tepung, 2kg gula dan 1 tin susu.

(vi) Free Tuition

Terbuka kepada para pelajar yang memerlukan kelas bimbingan Al-Quran dan bimbingan akademik secara percuma.

C. MELANGKAH KE HADAPAN

Di antara projek-projek wakaf yang sedang berjalan ialah :

(i) Fasiliti Masjid UPM

Pada tahun 2017, WAZAN telah memperuntukkan sejumlah RM163,200.00 bagi pembelian kipas gergasi untuk kegunaan wakaf fasiliti Masjid UPM. Selain itu, WAZAN juga berhasrat untuk pemasangan karpet baharu dan sistem siaraya yang dianggarkan berjumlah 1.3 juta.

(ii) Projek Wakaf Teratak Pak Ngah Atan

Teratak Pak Ngah Atan adalah sebuah kediaman banglo satu tingkat yang terletak di Golf Heights, Seremban, Negeri Sembilan yang dimiliki oleh Puan Hjh Hasnah Udin, seorang pesara Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau telah berniat untuk mewakafkan kediaman kepada UPM bagi kegunaan program/

aktiviti warga emas. Selain daripada WAZAN, projek ini melibatkan beberapa pihak iaitu MyAgeing™ dan Fakulti Reka Bentuk dan Senibina.

(iii) Projek Wakaf Fasiliti Ambulans

WAZAN dengan kerjasama Pusat Kesihatan Universiti (PKU) UPM berhasrat untuk memiliki ambulans baru kerana ambulans PKU yang sedia ada berusia lebih 10 tahun dan memerlukan kos yang tinggi bagi tujuan penyelenggaraan. Ambulans baharu yang lengkap dengan fasiliti terkini dan canggih adalah sangat penting dan amat diperlukan dengan kadar yang segera bagi mempertingkatkan perkhidmatan PKU dalam memenuhi keperluan masyarakat. Kos anggaran yang diperlukan adalah sebanyak RM250,000.00

Manakala projek-projek yang akan berjalan adalah Projek Wakaf Fasiliti Perpustakaan dan Wakaf Hospital Pengajar UPM.

LAMPIRAN CoSComm [Minit 7.10.2(b)vii.]

KERTAS UNTUK MAKLUMAN MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN

LAPORAN STATUS PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO UPM

TUJUAN

1. Kertas ini bertujuan untuk melaporkan pelaksanaan Pengurusan Risiko di Universiti Putra Malaysia (UPM).

LATAR BELAKANG

